

LATIHAN ADJEKTIF 1

1. Amir sangat _____ kerana mendapat keputusan yang tidak begitu cemerlang dalam UPSR.
A. segan B. benci C. marah D. kecewa
2. Sikap ayah yang _____ memberikan dorongan itu menambahkan lagi semangat saya untuk belajar.
A. lupa B. malu C. jarang D. sering
3. Burung bangau mempunyai leher yang _____.
A. tinggi B. panjang C. pendek D. rendah
4. Lauk - pauk yang dijual di gerai Mak Midah sedap - sedap belaka walaupun _____.
A. kelat B. pedas C. masam D. payau
5. Petir berdentum dengan _____ menandakan hari hendak hujan.
A. kuat B. rakus C. senyap D. perlahan
6. Pemandato itu agak _____ semasa berhujah.
A. marah B. gembira C. bimbang D. gementar
7. Abang Bok Yu _____ berbahasa Jepun kerana dia pernah menuntut di Jepun selama lima tahun.
A. fasih B. leka C. bijak D. deras
8. Harimau hutan yang berjaya ditangkap itu sangat _____.
A. Ganas B. comel C. gebu D. tembam

9. Pelari itu berlari dengan _____ menuju ke garisan penamat.
A. kuat B. cepat C. pantas D. deras
10. Pusat peranginan itu terletak _____ daripada kebisingan kota.
A. jauh B. dekat C. hampir D. lama
11. Pihak polis telah mengambil tindakan _____ untuk mengatasi masalah jenayah yang semakin menjadi-jadi sekarang.
A. lama B. segera C. lampau D. lewat
12. Ayah melarang adik mandi di sungai yang _____ arusnya.
A. cepat B. laju C. deras D. pantas
13. Mukanya menjadi _____ setelah mendengar berita _____ itu.
A. merah....buruk C. putih.... buruk
B. pucat....buruk D. pucat.....baik
14. Kita haruslah bersenam supaya otak kita _____.
A. cair B. cergas C. cerdas D. lembap
15. Pengemis itu makan nasi dengan _____ kerana terlalu lapar.
A. pantas B. perlahan C. lembut D. gelojoh